



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545  
Faks : 03-8889 5542  
Web : anisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-31/2/2 Jld. 2 (4)

Tarikh : 28 Oktober 2016

Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan  
Semua Pengarah Institusi Kesihatan  
Semua Pengarah Hospital

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ To' Puan/ Tuan/ Puan,

## **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 17/ 2016**

### **ARAHAN PELAKSANAAN PENYEDIAAN MAKANAN VEGETARIAN DI SEMUA KAFETERIA DI BAWAH FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

#### **1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan arahan pelaksanaan penyediaan pilihan makanan vegetarian di semua kafeteria di bawah fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Semua kafeteria di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia perlu menyediakan pilihan makanan yang sihat dan seimbang selari dengan saranan Piramid Makanan Malaysia.

2.2 Dalam masa yang sama, permintaan terhadap makanan vegetarian khususnya di kafeteria di bawah fasiliti kesihatan KKM juga semakin meningkat. Bagi memenuhi keperluan ini, pihak kafeteria perlu membantu dalam memastikan makanan vegetarian turut disediakan di kafeteria di bawah fasiliti kesihatan.

2.3 Oleh itu, semua kafeteria di bawah fasiliti kesihatan KKM **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan pilihan makanan vegetarian.

### 3. TINDAKAN

Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan, Institusi Kesihatan dan Hospital perlu memastikan semua kafeteria menyediakan pilihan makanan vegetarian di fasiliti masing-masing.

### 4. PANDUAN PELAKSANAAN

Panduan pelaksanaan penyediaan makanan vegetarian hendaklah merujuk kepada **Lampiran 1**.

### 5. TANGGUNGJAWAB

Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Institusi Kesihatan, Pengarah Hospital dan Pegawai Kesihatan Daerah bertanggungjawab melaksanakan surat pekeliling ini.

### 6. PELAKSANAAN

Pelaksanaan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 1, Blok E3, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590, Putrajaya


No. Telefon: 03-8892 4556

No. Faks: 03-8892 4512

(u/p: Cawangan Promosi Pemakanan Dewasa)

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.:

- Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
- Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
- Setiausaha Sulit Kanan kepada YB. Menteri Kesihatan
- Setiausaha Sulit Kanan kepada YB. Timbalan Menteri Kesihatan

**PANDUAN PELAKSANAAN PENYEDIAAN PILIHAN MAKANAN  
VEGETARIAN BAGI KAFETERIA DI BAWAH FASILITI KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. LATAR BELAKANG**

Sejajar dengan peningkatan pengamal vegetarian di Malaysia, permintaan oleh pengguna atau pelawat terhadap pilihan makanan vegetarian di kafeteria di bawah fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga didapati semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Pihak KKM juga telah menerima aduan berkenaan kesukaran pengguna atau pelawat di fasiliti kesihatan KKM bagi mendapatkan pilihan makanan vegetarian terutamanya bagi pelawat yang perlu menjaga ahli keluarga. Oleh itu, satu tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah ini dan semua kafeteria di bawah fasiliti kesihatan KKM perlu diwajibkan untuk menyediakan pilihan makanan vegetarian.

**2. DEFINISI VEGETARIAN**

Tiada definisi khusus bagi istilah vegetarian. Pengamal vegetarian hanya mengambil diet berasaskan tumbuhan sahaja, namun produk haiwan seperti telur, susu dan keju masih boleh diambil. Amalan ini adalah berkait rapat dengan faedah kesihatan, budaya dan kepercayaan agama serta keprihatinan terhadap persekitaran dan kebajikan haiwan. Secara umumnya, pengamal vegetarian boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu:

**I. Vegan**

Mengambil makanan daripada sumber tumbuh-tumbuhan sahaja.

**II. Lacto-vegetarian**

Mengambil makanan daripada sumber tumbuh-tumbuhan, susu dan hasil tenusu.

**III. Lacto-ovo-vegetarian**

Mengambil makanan daripada sumber tumbuh-tumbuhan, susu, hasil tenusu dan telur.

### **3. KAEDAH PELAKSANAAN PENYEDIAAN PILIHAN MAKANAN VEGETARIAN BAGI KAFETERIA DI FASILITI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Pihak pengusaha kafeteria adalah bebas untuk memilih kaedah penyediaan makanan vegetarian dan tertakluk kepada kesesuaian dan jenis premis serta kadar permintaan. Terdapat tiga (3) jenis pilihan cadangan daripada pihak KKM iaitu:

#### **I. SUDUT KHUSUS**

Mewujudkan satu sudut atau ruangan khusus untuk menyediakan makanan vegetarian bagi hidangan waktu makan tengah hari dan waktu makan malam. Ruang atau sudut boleh disediakan sekiranya kafeteria mempunyai ruangan yang mencukupi. Sudut tersebut perlu dilabelkan dengan terang dan dapat dilihat dengan jelas oleh pengamal vegetarian sama ada pesakit, pekerja atau pelawat di fasiliti kesihatan berkenaan.

#### **II. PAPAN TANDA**

Meletakkan papan tanda "Masakan Vegetarian Disediakan Atas Permintaan" sekiranya pihak pengusaha tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk menyediakan sudut vegetarian ataupun permintaan terhadap makanan vegetarian tersebut adalah sangat kurang. Papan tanda tersebut mestilah dipamerkan pada ruangan yang jelas boleh dilihat dan dibaca oleh pesakit, pekerja atau pelawat di fasiliti kesihatan berkenaan.

#### **III. PELABELAN**

Kaedah pelabelan boleh juga digunakan bagi pengusaha kafeteria yang menyediakan masakan tersebut dan menghidangkan bersama-sama dengan makanan lain. Makanan vegetarian tersebut perlulah dilabelkan dengan "Makanan Vegetarian" dengan jelas dan mudah untuk dibaca.

Pihak KKM amat mengalu-alukan sekiranya pihak pengusaha kafeteria mempunyai inisiatif sendiri dalam mewujudkan pilihan makanan vegetarian di kafeteria masing-masing.

#### **4. KAEDAH MASAKAN VEGETARIAN**

Semua pengusaha kafeteria perlu memastikan kaedah masakan makanan vegetarian mengikut kaedah masakan yang betul, bersih dan selamat. Berikut adalah perkara yang perlu dititikberatkan oleh semua pengusaha kafeteria dalam menyediakan masakan vegetarian sebelum dihidang kepada pelanggan dan pelawat iaitu memastikan:

- a. Bahan-bahan masakan untuk vegetarian tidak bercampur dengan bahan masakan yang bukan vegetarian seperti daging dan ayam.
- b. Masakan vegetarian yang dipesan adalah betul dan mengikut kehendak pengguna/ pelawat. Seseorang pengguna vegetarian tidak mengambil telur ayam dan bawang dalam diet mereka.
- c. Bahan-bahan yang digunakan dalam masakan vegetarian adalah bebas kandungan daging dan ayam. Kiub masakan atau perencah makanan yang mengandungi daging dan ayam seperti kiub perasa adalah tidak dibenarkan.

#### **5. PENGGUNAAN PERALATAN UNTUK PENYEDIAAN DAN HIDANGAN MASAKAN VEGETARIAN**

Pengusaha perlu memastikan:

- a. Peralatan memasak khusus untuk masakan vegetarian tidak bercampur/ diasingkan daripada peralatan memasak bukan vegetarian yang lain.
- b. Peralatan hidangan masakan vegetarian adalah dilabelkan khusus untuk vegetarian sama ada di sudut khas ataupun di *Buffet Line* supaya tidak bercampur atau digunakan untuk makanan bukan vegetarian oleh pengguna/ pelawat.

#### **6. TANGGUNGJAWAB PENGARAH KESIHATAN NEGERI, PENGARAH HOSPITAL DAN INSTITUSI KESIHATAN**

Semua Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital dan Institusi Kesihatan perlu memastikan semua kafeteria di bawah fasiliti kesihatan KKM telah menyediakan makanan vegetarian mengikut pilihan cadangan yang telah disediakan atau atas inisiatif pengusaha kafeteria sendiri. Pemantauan perlu dibuat bagi memastikan arahan surat pekeliling ini telah dilaksanakan sepenuhnya dan pelaksanaannya dijalankan dengan betul. Pemantauan boleh

dilakukan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital atau Institusi Kesihatan.

## **7. TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA KAFETERIA**

Semua pengusaha kafeteria wajib melaksanakan arahan surat pekeliling ini dan menjadikan panduan ini sebagai rujukan bagi menyediakan makanan vegetarian di kafeteria masing-masing. Panduan ini juga boleh digunakan bersama-sama dengan Garis Panduan Pemakanan Vegetarian yang akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam masa yang terdekat untuk panduan yang lebih lengkap dan komprehensif.